

05 MAY 1999

DR MAHATHIR LAWAT SABAH 13 MEI

KOTA KINABALU, 5 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja ke Sabah pada 13 dan 14 Mei ini.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata bahawa pada hari pertama, Perdana Menteri akan menemui anggota kabinet negeri sebelum mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional negeri pada sebelah malam.

Keesokannya Dr Mahathir akan menghadiri majlis bersama rakyat di Ranau.

Semasa kempen pilihan raya negeri Sabah bulan lepas, beliau terpaksa membatalkan lawatannya ke daerah itu kerana keadaan cuaca tidak mengizinkan.

-- BERNAMA

NT MAI